# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# PROSEDUR KUALITI

## TINDAKAN PEMBETULAN

| | DISEDIAKAN | DILULUSKAN |
|---|---|---|
| JAWATAN | Pegawai Dokumen | Ketua Hakim Syarie |
| TARIKH | 24 April 2025 | 20 Julai 2025 |
| TANDATANGAN | t.t. | t.t. |

## 1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk menyedia garis panduan bagi memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan ke atas ketakakuran atau kelemahan bagi memantau dan menyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti.

## 2. SKOP

Prosedur ini diguna pakai untuk mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan bagi semua ketakakuran dalam prosedur kualiti di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSNK).

## 3. DEFINISI

| BIL. | ISTILAH | PENGERTIAN |
|---|---|---|
| 3.1. | Tindakan Pembetulan | Tindakan yang diambil bagi menyiasat sebab-sebab perkhidmatan pengurusan sistem kualiti tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang bersesuaian. |
| 3.2. | Penambahbaikan | Cadangan untuk menambahbaik Sistem Pengurusan Kualiti. |
| 3.3. | Ketidakakuran | Ketidakpatuhan atau pelanggaran ke atas mana-mana undang-undang dan prosedur yang telah ditetapkan. |

## 4. SINGKATAN

| BIL. | SINGKATAN | PENGERTIAN |
|---|---|---|
| 4.1. | WP | Wakil Pengurusan |
| 4.2. | TWP | Timbalan Wakil Pengurusan |
| 4.3 | MKSP | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan |

## 5. RUJUKAN

5.1. MK- JKSNK: MS ISO 9001-2015: Seksyen 9.1: Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian

5.2. MK-JKSNK: MS ISO 9001-2015: Seksyen 9.1.3: Analisis dan Penilaian

5.3. MK-JKSNK: MS ISO 9001-2015: Seksyen 10: Penambahbaikan

5.4. MK-JKSNK: MS ISO 9001-2015: Seksyen 10.2: Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan

5.5. PKS-JKSNK-11: Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

5.6. PKS-JKSNK-10: Audit Dalaman

## 6. CARTA ALIR

### A.Tindakan Pembetulan



## B. Tindakan Penambahbaikan



## 7. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| | **A. Tindakan Pembetulan** |
| WP | 1. Mengenal pasti aspek-aspek ketakakuran yang berlaku untuk tindakan pembetulan supaya tidak berulang berasaskan kepada faktor berikut:<br>(a) Ketakakuran atau perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan;<br>(b) Aduan pelanggan;<br>(c) Hasil *'output'* yang perlu dibuat semula atau dibaiki;<br>(d) Laporan-laporan audit yang mengesyorkan perubahan.<br>2. Mengadakan Mesyuarat Timbalan Wakil Pengurusan untuk membincangkan isu ketakakuran atau kelemahan yang dikenal pasti. |
| TWP | 3. Menjalankan siasatan bagi mengenal pasti sebab-sebab ketakakuran berkenaan berlaku dan mencadangkan tindakan pembetulan yang sesuai.<br>4. Mengemuka cadangan tindakan pembetulan kepada WP untuk persetujuan. |
| WP | 5. Meneliti hasil siasatan dan cadangan tindakan pembetulan. Jika tidak bersetuju, membincangkan pindaan dengan pegawai yang bertanggungjawab. Jika bersetuju, meminta pegawai yang bertanggungjawab melaksanakan tindakan pembetulan tersebut. |
| TWP | 6. Melaksana dan memantau keberkesanan tindakan pembetulan.<br>7. Melaksana tindakan pembetulan mengikut tempoh yang dipersetujui oleh WP.<br>8. Memantau agar ketakakuran tidak berulang setelah tindakan pembetulan dilaksanakan mengikut tempoh yang sesuai. |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| WP | 9. Melaporkan mengenai keberkesanan tindakan pembetulan dan mengemukakan satu salinan borang kepada WP untuk dimaklumkan dalam MKSP.<br><br>10. Memaklum laporan keberkesanan tindakan pembetulan dalam MKSP.<br><br>11. Menyimpan rekod berkaitan. |
| WP | **B. Tindakan Penambahbaikan**<br>1. Mengumpul maklumat untuk tindakan penambahbaikan melalui sumber berikut:<br>(i) Aduan dan maklum balas pelanggan;<br>(ii) Laporan Audit Dalam;<br>(iii) Isu-isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan;<br>(iv) Cadangan daripada anggota JKSNK;<br>(v) Penandaarasan;<br>(vi) Tindakan pembetulan;<br>(vii) Pencapaian dasar dan objektif kualiti.<br><br>2. Mengenal pasti bidang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan<br><br>3. Membentuk pasukan petugas untuk melaksanakan projek penambahbaikan. |
| Pasukan Petugas | 4. Membuat perancangan bagi melaksanakan program penambahbaikan melalui:<br>(i) Projek penambahbaikan;<br>(ii) Kumpulan Meningkat Mutu Kerja;<br>(iii) Program Inovasi;<br>(iv) Penandaarasan.<br><br>5. Menyediakan dokumentasi program penambahbaikan.<br><br>6. Mengemuka dokumentasi program penambahbaikan kepada WP untuk pertimbangan. |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| WP | 7. Membentang cadangan dokumentasi program penambaikan dalam MKSP. |
| MKSP | 8. Membincangkan cadangan penambahbaikan dan membuat keputusan atas cadangan tersebut. Jika tidak bersetuju, meminta pasukan petugas membuat kajian semula. Jika bersetuju, meminta WP memastikan pelaksanaannya. |
| WP | 9. Membincang tindakan penambahbaikan yang diputuskan dalam MKSP dengan Mahkamah/Bahagian/Unit yang terlibat mengenai pelaksanaan dan tempoh tindakan untuk penambahbaikan. |
| TWP | 10. Melaksana dan mengesan tindakan penambahbaikan:<br>(i) Melaksana program penambahbaikkan mengikut tempoh yang dipersetujui dengan WP;<br>(ii) Mengawasi pelaksanaan program penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi memastikan keberkesanannya;<br>(iii) Menyedia laporan dan mengemukakan laporan kepada WP untuk dilaporkan dalam MKSP.<br><br>11. Menyimpan rekod yang berkaitan. |

## 8. REKOD

| BIL. | KETERANGAN | LOKASI | TEMPOH PENYIMPANAN |
|---|---|---|---|
| 8.1 | Laporan Audit Kualiti Dalam | Pejabat KP | 5 tahun |
| 8.2 | Minit Mesyuarat MKSP | | |
| 8.3 | Laporan Tindakan Pembetulan | | |